



## SIARAN MEDIA

### PEMBINAAN PASAR BARU PASIR PINJI TINGKATKAN SOSIO EKONOMI PENDUDUK SETEMPAT

---

**IPOH, 15 Oktober 2023** - Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pecah Tanah Projek Pembinaan Pasar Sementara Pasir Pinji bertempat di tapak projek pasar sementara Pasir Pinji, Ipoh pada pagi ini.

**Pembinaan Pasar Sementara Pasir Pinji** ini telah bermula pada 5 September 2023 melibatkan **peruntukan sebanyak RM1.54 juta** dengan penyaluran **peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebanyak RM1 juta dan lebih peruntukan berjumlah RM540,000 turut ditanggung bersama oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)**. Projek ini dijangka siap pada 19 Februari 2024 dengan mengambil masa selama 6 bulan tempoh kesiapan kerja-kerja pembinaan dan pemindahan peniaga ke pasar sementara dijangka akan bermula pada bulan Mac 2024.

Bagi pelaksanaan **pembinaan Pasar Baru Pasir Pinji** pula, proses pelantikan perunding sedang dijalankan dan dijangka selesai pada awal November 2023. Perunding yang berjaya akan menyiapkan reka bentuk pasar baru dalam tempoh 3 bulan selepas lantikan dan seterusnya, proses tender bagi pelantikan kontraktor Pembinaan Semula Pasar Baru Pasir Pinji akan bermula pada awal Februari 2024. Pelaksanaan **projek pembinaan pasar baru ini dijadualkan bermula pada April 2024** dengan tempoh pelaksanaan 24 bulan dan **dijangka siap pada Mac 2026**.

Pasar Pasir Pinji yang berusia lebih daripada 50 tahun ini merupakan pasar lama yang uzur dan daif di mana menempatkan seramai 178 peniaga sedia ada. Justeru, **pembangunan semula pasar awam ini dapat meningkatkan kualiti serta taraf kemudahan pasar, perkhidmatan awam yang berkaitan dan menyediakan**

**persekitaran yang lebih selesa** kepada peniaga dan pengunjung. Sebanyak **187 lot perniagaan** akan disediakan di pasar baru tersebut dengan mengutamakan pelesen sedia ada dan turut memberi peluang kepada permohonan baru bagi memenuhi ruang perniagaan. Selain itu, **ruang parkir kenderaan yang mencukupi** juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pasar.

YB KM berkata, “Pembangunan semula Pasar Pasir Pinji ini dapat menyumbang kepada peningkatan tahap sosio-ekonomi dan kualiti hidup masyarakat setempat. Sumbangan peniaga kecil tidak pernah dipandang remeh oleh KPKT, malah peningkatan ekonomi mikro turut memberi kesan positif kepada ekonomi negara.”

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat. Kecemerlangan mutu perkhidmatan KPKT juga akan terus dipertingkatkan dalam memastikan segala manfaat dapat dinikmati oleh rakyat sejajar dengan hasrat Kerajaan Perpaduan demi kesejahteraan masyarakat Malaysia MADANI.

*#MalaysiaMADANI*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertawi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

